

NO SOALAN : 272

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

SOALAN NO. 272

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat manakah kesiapsiagaan pasukan bomba dari segi aset dan logistik dan apakah pelan dan langkah Kementerian bagi menangani masalah jentera bomba yang telah banyak rosak dan adakah Kementerian berhasrat untuk menambah jentera baru untuk menampung kes-kes kebakaran di kawasan tertentu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kesiapsiagaan aset dan logistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berada pada tahap yang tinggi. Ini termasuklah peningkatan taburan Balai Bomba dan Penyelamat serta juga penambahan kelengkapan logistik termasuk jentera bomba untuk tindakan kecemasan yang berupaya mengurangkan *response time*.
2. Pada masa ini terdapat sejumlah 307 Balai Bomba dan Penyelamat yang dilengkapi dengan pelbagai jenis jentera di seluruh negara. Bilangan Balai Bomba dan Penyelamat akan meningkat kepada 327 buah balai bomba pada akhir tahun ini apabila 20 balai bomba baharu yang kini sedang dalam pembinaan dijangka siap sepenuhnya. Permohonan Balai Bomba dan Penyelamat yang baharu juga dibuat pada setiap tahun berdasarkan kajian *fire cover* yang melibatkan penilaian risiko sesuatu kawasan.
3. JBPM juga diperkuatkan dengan sejumlah 1,207 jentera pemadaman, penyelamatan dan jentera khas serta 9 buah pesawat (helikopter) yang beroperasi dari 3 buah pangkalan udara yang berpusat di Subang, Subang, Bertam, Pulau Pinang dan Miri, Serawak. Jentera dan pesawat tersebut terlibat dengan pelbagai operasi pemadaman dan penyelamatan termasuk kebakaran hutan, banjir, insiden di kawasan tinggi dan sebagainya.
4. Tahap '*serviceability*' jentera dan pesawat hendaklah sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah yang ada bagi menangani insiden kebakaran dan penyelamatan dalam negara.

NO SOALAN : 272

5. Bagi memastikan keberkesanan pengurusan semua aset dan logistik, 14,163 pegawai bomba sentiasa memastikan tahap '*serviceability*' terpelihara dan juga latihan pengukuhan kepakaran dalam pelbagai bidang kebombaanan dan penyelamatan diperkasakan.
6. Ini bagi memastikan setiap pasukan dan logistik dapat diaktifkan dari mana-mana lokasi di seluruh negara bagi menghadapi sebarang insiden secara profesional.
7. Selain itu, JBPM juga dibantu oleh 391 Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara dengan keanggotaan seramai 14,713 ahli. Pasukan ini memberikan sumbangan yang tinggi dalam khidmat kebombaanan di kawasan pedalaman. Bagi memastikan pasukan-pasukan ini mampu bertindak semasa kecemasan, Kementerian telah mengagihkan kepada sebahagian besar Pasukan Bomba Sukarela peralatan kebombaanan seperti kereta bomba sukarela, pam angkut, hos, peralatan perlindungan diri (PPE) dan sebagainya.
8. Mengenai isu jentera bomba, 75% jentera Bomba berada dalam keadaan baik dan siapsiaga untuk digunakan dalam kerja-kerja operasi pemadaman dan penyelamatan. Manakala baki 25% adalah terdiri daripada jentera yang dalam proses penyenggaraan dan kalibrasi.
9. Dalam tempoh penyiapan kerja-kerja penyenggaraan tersebut, JBPM telah membuat plan pra-rancang melibatkan koordinasi di antara setiap balai bomba dan negeri dalam aspek pengurusan aset dan logistik bagi memastikan kelancaran operasi pemadaman dan penyelamatan.

NO SOALAN : 272

10. Selari dengan perancangan Kementerian bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kebombaan di negara ini, program penggantian jentera lama dan penambahan jentera baru dibuat pada setiap tahun untuk jangka masa pendek dan panjang berdasarkan peningkatan risiko dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.